KRITERIA PENCALONAN HADIAH BUKU INOVASI MTDC
(MALAYSIAN TECHNOLOGY DEVELOPMENT CORPORATION SDN. BHD.)

KATEGORI SAINS SOSIAL

1.0 NAMA

1.1 Hadiah ini dinamakan **Hadiah Buku Inovasi MTDC**, sumbangan daripada Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd. bagi tesis terbaik berkaitan pengurusan inovasi dan teknologi/ pengkomersialan/ pemindahan teknologi/ pembangunan inkubator/ keusahawanan dalam bidang masing-masing.

2.0 ANTARA SYARAT PENGURNIAAN

2.1 Graduan Sarjana Mod Penyelidikan dan Doktor Falsafah dalam bidang Sains Sosial daripada setiap Fakulti/Institut yang berkaitan;

2.2 Warganegara Malaysia;

2.3 Berdaftar sebagai pelajar sepenuh masa;

2.4 Memperoleh keputusan peperiksaan lisan berstatus samada Baik atau Cemerlang sahaja;

2.5 Melengkapkan pengajian dalam tempoh:

- Sarjana : tidak melebihi 6 Semester;
- Doktor Falsafah : tidak melebihi 12 Semester;

2.7 Menghasilkan output penyelidikan seperti berikut:

- Penerbitan makalah dalam jurnal berimpak tinggi (WoS/Scopus) atau terindeks atau;
- Prosiding terindeks atau;
- Bab dalam buku atau;
- Lain-lain kecemerlangan (memenangi anugerah penyelidikan, hasil penyelidikan telah melalui proses perlindungan harta intelek seperti hak cipta untuk instrumen kajian dan modul);

2.8 Tesis yang dikemukakan adalah:

- Tidak semestinya bersifat teknikal;
- Menghasilkan proses/ kaedah/ polisi/ produk yang berimpak tinggi dari segi pengurusan inovasi dan teknologi/ pengkomersialan/ pemindahan teknologi/ pembangunan inkubator/ keusahawanan ataupun kombinasi perkara-perkara ini dalam bidang masing-masing.

2.9 Pemohon tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib Universiti dan melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang bercanggah dengan Akta Universiti dan salah laku penyelidikan.

3.0 BENTUK

3.1 Hadiah dalam bentuk wang tunai **RM1,000.00** (Ringgit: Satu Ribu Sahaja) dan hadiah buku bernilai **RM500.00** (Ringgit: Lima Ratus Sahaja).

4.0 PELAKSANAAN

4.1 Pemohon perlu menghantar permohonan Hadiah Buku Inovasi MTDC secara atas talian (*googleform*) kepada Pusat Siswazah setelah permohonan dibuka dan setelah mendapat pengesahan daripada penyelia utama;

4.2 Pencalonan akan dinilai oleh jawatankuasa yang ditubuhkan oleh UKM dengan keahlian yang terdiri dari Pusat Siswazah, CESMED, PIK, wakil Fakulti/Institut yang dilantik serta wakil dari MTDC. Jawatankuasa bertanggungjawab membuat penilaian dan pemilihan calon yang akan dimajukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Hadiah Universiti;

4.3 Senarai pemenang **Hadiah Buku Inovasi MTDC** akan disenaraikan dalam buku cenderamata Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia.